

CNS7991

R GB 27-05 00171 BA910

aab

Mahathir - Pengurusan  
(EMBARGO: UNTUK STARAN SELEPAS 11 MALAM INT)

-----  
PENGURUS DI M'SIA MESTI BERANI LAKUKAN PERUBAHAN, KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Pengurus-pengurus Malaysia mesti berani melakukan perubahan untuk berjaya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Untuk maju, kita bukan sahaja mesti berani melakukan perubahan tetapi juga perlu berani meneroka dengan sikap berhati-hati," kata beliau pada majlis jamuan malam Kelab Harvard Malaysia di sini.

Pengurus-pengurus Malaysia terlalu cenderung kepada bidang-bidang yang sudah jelas rupa bentuknya di negara ini, kata Dr Mahathir ketika menyampaikan ceramah bertajuk "Falsafah Pengurusan bagi Malaysia."

"Mereka gemar melakukan apa yang sudah biasa dilakukan, mungkin secara lebih besar. Mereka suka melakukan apa yang dilakukan oleh rakyat Malaysia yang lain.

"Sebagaimana seorang Melayu yang baru mula menjadi pekedai akan membuka 'kedai kopi' selepas orang lain membuka perniagaan itu di tempat tertentu, pengurus-pengurus Malaysia akan menerokai sektor hartanah kerana orang lain berbuat demikian," -- Lagi.

▼27/05/20-14MST

CNS7997

R GB 27-05 00148 BA911

aab

Mahathir - Pengurusan 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata pengurus-pengurus Malaysia akan memasuki sesuatu jenis perniagaan apabila ia tidak lagi bersifat meneroka; mereka menyerahkan kepada orang lain untuk memulakan projek baru.

Beliau berkata pengurus Malaysia boleh berjaya dalam perniagaan yang bersifat baru dan tidak biasa dilakukan jika mereka mengamalkan pengurusan yang bertanggungjawab dan pengurus dan pemilik syarikat pula memainkan peranan masing-masing dengan sewajarnya.

"Bersikap hati-hatilah dalam apa cara sekalipun, tetapi perlu juga meneroka sesuatu yang baru," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masanya sudah tiba bagi proses perindustrian Malaysia dihasilkan dengan daya utama rakyat Malaysia sendiri.

"Pekerja kita telah membuktikan kemampuan memperolehi kemahiran baru dalam industri yang diterokai oleh rakyat asing. Sudah tentu, usahawan dan pengurus kita juga mampu untuk memperolehi kemahiran yang perlu untuk menerokai bidang-bidang yang baru terutama pembuatan," kata beliau. -- Lagi.

▼27/05/20-23MST

CNS8003

R GB 27-05 00154 BA912

aab

Mahathir - Pengurusan 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata falsafah pengurusan bagi Malaysia perlu memberi penekanan kepada peranan pemilik iaitu pemegang saham.

"Perniagaan bukanlah satu profesion yang harus diserahkan bulat-bulat kepada kalangan profesional," kata beliau.

Sementara kalangan profesional seharusnya memastikan perniagaan berjalan lancar, peka kepada teknik pengurusan terkini, mempunyai sikap inovatif dan mampu mengendalikan manusia, mereka juga perlu menerima hakikat bahawa pemegang saham mempunyai suara yang lebih besar dalam pengurusan, kata beliau.

"Pengurus profesional mungkin yang akan rugi jika syarikat menghadapi kegagalan, tetapi bukan apa yang telah mereka sumbangkan tetapi apa yang telah diberikan kepada mereka. Sebaliknya, pemilik akan kerugian apa yang mereka sumbangkan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga membuat perbandingan antara sistem perniagaan Barat dan Jepun yang menurut beliau kurang memberi penekanan kepada peranan pemegang saham dan memberi tumpuan kepada ketua pegawai eksekutif, profesional dan pengurus. -- Lagi.

▼27/05/20-34MST

CNS8009

R GB 27-05 00225 BA913

aab

Mahathir - Pengurusan 4 (akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Di Amerika Syarikat, eksekutif dan pengurus dianggap sebagai terlalu penting, menyebabkan pemegang saham langsung telah hilang pengaruh dan peranan mereka dalam syarikat, kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Kuasa boleh membawa kepada kerosakan. Ketua pegawai eksekutif yang berpengaruh di Amerika Syarikat dan negara Barat yang lain juga tidak terkecuali. Oleh itu, kita dapati menjelang 1993, kebanyakan ketua pegawai eksekutif di Amerika memperolehi kira-kira 150 kali purata gaji dalam syarikatnya. Pada 1974, ia cuma 34 kali.

"Ketua pegawai eksekutif Walt Disney memperolehi AS\$203 juta pada 1993, kira-kira setengah juta Dollar Amerika sehari. Ketua pegawai eksekutif Travellers menduduki tempat kedua dengan AS\$53 juta.

"Rekod berhubung dengan perkara itu disandang oleh peniaga bon Michael Milken yang memperolehi gaji AS\$550 juta."

Dr Mahathir berkata walaupun Jepun juga menganggap pemegang saham mereka sebagai tidak penting, budaya yang berlainan pula bertapak dalam perbadanan-perbadanan mereka.

"Ketua pegawai eksekutif dan eksekutif tidak mendapat gaji yang lumayan. Sebaliknya, mereka lebih mengutamakan kesetiaan kepada syarikat kerana menganggap kejayaan syarikat mereka sebagai tanggungjawab peribadi semua eksekutif dan kakitangan," kata beliau.

Walaupun mengetepikan pemegang saham dan menganggap mereka sebagai tidak penting seperti syarikat-syarikat Amerika, syarikat Jepun mampu berkembang dan bersaing dengan jayanya dengan saingan asing mereka, kata beliau. -- Bernama

AZG LDB FAZ NMO